



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

PROGRAM PENANAMAN POKOK (*24 HOURS PLANTING CHALLENGE MBSP: TREE FEST*) SEMPENA SAMBUTAN HARI BUMI (*EARTH DAY 2024*)

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**22 APRIL 2024 (ISNIN)  
8.00 PAGI**

**VISION PARK  
BERTAM**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama pada hari ini berkumpul dalam **Program Penanaman Pokok (24 Hours Planting Challenge MBSP: Tree Fest) Sempena Sambutan Hari Bumi (Earth Day 2024)** di **Vision Park, Bertam.**
2. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis: Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; para pengunjung dan para hadirin sekalian yang hadir untuk menjayakan program yang diadakan pada pagi yang berbahagia ini.
3. Penghargaan juga kepada urusetia penganjuran program pada pagi ini yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua para penaja yang terlibat dalam menjayakan program pada pagi ini. Para penaja terdiri daripada:-
  - i. Asas Dunia Berhad
  - ii. Aspen Group Sdn. Bhd

- iii. Auto-City
  - iv. Eco Meadows Development S/B
  - v. IJM Land Berhad
  - vi. Bertam Propeties Sdn Bhd
  - vii. Dextom Malaysia
  - viii. Tambun Indah Land Bhd
  - ix. Penang Sentral
4. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada tahun ini akan melaksanakan program penanaman pokok *24 Hours Planting Challenge MBSP: Tree Fest* sempena Sambutan Hari Bumi (*Earth Day*) tahun 2024 yang diterajui oleh Yayasan Amal Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Pejabat EXCO Perumahan Dan Alam Sekitar.
5. Pelaksanaan program ini merupakan komitmen MBSP di bawah Pelan Strategi Majlis Bandaraya Seberang Perai 2023-2030 dalam konteks pembangunan hijau dan persekitaran bersih iaitu sejajar dengan kempen Kerajaan Negeri iaitu *Penang 2030 A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation*. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti setempat. Program ini juga

bertujuan memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat.

6. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk :-
  - i. mengekalkan kawasan hijau di seluruh Seberang Perai;
  - ii. meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pokok;
  - iii. memupuk semangat cintakan alam semula jadi; dan
  - iv. meningkatkan kesedaran dan semangat pengekalan kawasan hijau.
7. Dalam menjayakan inisiatif yang berorientasikan rakyat (*People centric*) ini, MBSP telah menyumbangkan pokok-pokok secara percuma kepada seluruh warga Seberang Perai termasuk kakitangan MBSP bermula 02 Mac 2024 sehingga 19 April 2024. Sejumlah 8,861 pokok dari pelbagai spesis diedarkan di 19 lokasi di Seberang Perai, termasuk di Pasar Awam, Taman Rekreasi dan kawasan perumahan.
8. Bagi merancakkan penglibatan warga Seberang Perai dalam menjayakan program ini, MBSP berbesar hati mengadakan pertandingan fotografi kepada warga Seberang Perai yang telah berdaftar melalui *google form* yang telah disiarkan atau diwar-warkan

ke dalam aplikasi *facebook* MBSP. Gambar yang menarik perlu dimuatnaik di IG Persendirian dengan *#Plantingdaymbsp #Earthdaymbsp.*

9. Penyertaan ini terbuka kepada seluruh warga Seberang Perai yang berumur 13 tahun dan ke atas melalui tiga (3) kategori yang diketengahkan melalui *Gender Responsive And Participatory Budgeting* (GRPB) dan beralamat di Seberang Perai. Penyertaan terbuka kepada individu dan berkumpulan. Lokasi penanaman pokok yang dibenarkan untuk ditanam adalah seperti berikut :
  - a. Lot Persendirian / Tanah Persendirian
  - b. Kawasan Agensi-agensi kerajaan (Contoh: Hospital)
  - c. Kawasan Agensi-agensi swasta (Contoh: Kilang)
  - d. Institusi Pendidikan (Contoh: Sekolah, Kolej, Politeknik, Universiti dan lain-lain yang berkaitan)Kesemua lokasi-lokasi di atas perlulah mendapatkan kebenaran oleh agensi masing-masing.
10. Hadiah bagi foto yang paling kreatif akan disampaikan kepada pemenang mengikut kategori belia lelaki atau perempuan (13-30 tahun), kategori dewasa lelaki atau perempuan (31-59 tahun) dan kategori warga emas lelaki atau perempuan (60 tahun dan ke atas).

11. Hari ini pula, MBSP bersama pihak penaja dan orang awam akan menjayakan agenda penghijauan ini dengan aktiviti penanaman pokok di seluruh Seberang Perai. Sebanyak 3,582 pokok teduh dan 122,336 pokok renek akan ditanam di 47 lokasi di seluruh Seberang Perai, yang merangkumi 21 lokasi di Seberang Perai Utara, 15 lokasi di Seberang Perai Tengah dan 11 lokasi di Seberang Perai Selatan.
12. Program ini adalah sebagai satu usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan memelihara dan memulihara kawasan hijau untuk kesejahteraan dan kualiti hidup serta memastikan kawasan hijau dapat dikekalkan untuk generasi akan datang.
13. Saya merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis, pihak urusetia program, semua agensi yang terlibat, para penaja serta para hadirin sekalian yang memberikan komitmen penuh serta bertungkus lumus dalam menjayakan Program Penanaman Pokok (*24 Hours Planting Challenge MBSP: Tree Fest*) Sempena Sambutan Hari Bumi (*Earth Day 2024*) pada hari ini.
14. Dengan lafaz **Bismillahirrahmaanirrahim**, sukacitanya saya melancarkan **Program Penanaman Pokok (24 Hours Planting**

***Challenge MBSP: Tree Fest) Sempena Sambutan Hari Bumi  
(Earth Day 2024).***

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***